



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## PERUTUSAN

**YANG BERTHORMAT**  
**DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR**  
**MENTERI KESIHATAN**  
**SEMPENA SAMBUTAN HARI AIDS SEDUNIA**  
**1 DISEMBER 2022**  
**TEMA: "EQUALIZE"**

1. *Human immunodeficiency virus* (HIV) adalah sejenis virus yang menjejaskan serta melemahkan sistem ketahanan badan (*immune system*) seseorang dan boleh mengakibatkan seseorang itu mudah mendapat jangkitan-jangkitan lain serta penyakit-penyakit lain seperti kanser. Peringkat terakhir jangkitan HIV berlaku apabila sistem ketahanan badan menjadi sangat teruk sehingga seseorang itu boleh mendapat beberapa jenis jangkitan dan menghidap beberapa masalah kesihatan yang boleh membahayakan nyawa. Peringkat inilah yang dikenali sebagai *Acquired Immune Deficiency Syndrome* (AIDS) dan ia boleh dielakkan jika jangkitan HIV dapat dikesan dan dirawat pada peringkat awal.
2. Sejak epidemik AIDS mula mendapat perhatian global pada tahun 1981, jangkitan HIV masih kekal mengancam kesihatan awam dan menjejaskan kehidupan berjuta-juta orang di seluruh dunia. Statistik WHO menganggarkan kira-kira 38.4 juta orang yang hidup dengan HIV di seluruh dunia pada akhir tahun 2021 dengan sejumlah 1.5 juta adalah merupakan kes jangkitan baru. Sementara itu, sebanyak 650,000 orang pula dianggarkan telah meninggal dunia

disebabkan oleh jangkitan-jangkitan dan masalah-masalah kesihatan akibat jangkitan HIV di seluruh dunia.

3. Di Negara Brunei Darussalam, kes pertama yang dilaporkan pada adalah tahun 1986. Setakat Disember 2021, sebanyak 374 kes yang telah dilaporkan di mana 74 daripadanya telah meninggal dunia. Negara Brunei Darussalam adalah merupakan salah satu negara yang mempunyai kadar jangkitan HIV yang rendah. Walau bagaimanapun, dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini, kadar kes meningkat melebihi kadar pada tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan kesedaran orang ramai mengenai jangkitan HIV dan pengesananannya di mana lebih ramai mereka yang mempunyai risiko tinggi bagi jangkitan ini tampil untuk menjalani ujian dan mendapatkan maklumat mengenai kaedah-kaedah pencegahan jangkitan HIV. Di Negara Brunei Darussalam, orang-orang yang berisiko tinggi bagi jangkitan HIV adalah mereka yang mengamalkan hubungan seksual rambang dan tidak terlindung, terutamanya hubungan kelamin sesama lelaki (MSM).
4. Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah melancarkan sambutan Hari AIDS Sedunia pada tahun 1988 dan setiap tahun ianya disambut pada 1 Disember dengan memfokuskan kepada usaha-usaha ke arah menamatkan epidemik AIDS. Pada tahun ini, tema Hari AIDS Sedunia ialah “***Samakan (Equalize)***” yang merupakan seruan untuk kita semua untuk berusaha membuat tindakan-tindakan yang praktikal bagi menangani ketidaksamaan yang menjadi penghalang dalam usaha-usaha untuk menamatkan epidemik AIDS. Untuk mencapai sasaran tema tahun ini, ada beberapa tindakan-tindakan yang boleh

kita laksanakan bersama-sama sebagai satu komuniti yang bersatu menentang epidemik ini. Ini termasuk,

- i) Meningkatkan pemberian perkhidmatan, kualiti dan kesesuaian rawatan, ujian dan pencegahan HIV untuk semua;
- ii) Melaksanakan pembaharuan dasar dan amalan bagi menangani stigma dan diskriminasi yang dihadapi oleh orang yang hidup dengan HIV;
- iii) Mengongsikan teknologi HIV yang baru untuk meningkatkan akses yang sama rata kepada semua; dan
- iv) Menggalakkan komuniti penghidap dan pesakit untuk menyuarakan ketidakadilan yang mereka hadapi dan mengambil tindakan untuk menanganinya.

5. Walaupun tidak ada ubat untuk menghapuskan jangkitan HIV pada masa ini, namun dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti bantuan-bantuan pencegahan, ujian, pengesanan, rawatan dan penjagaan HIV yang berkesan, penghidap-penghidap HIV boleh menjalani kehidupan yang sihat seperti orang lain. Sebagai individu, terdapat beberapa langkah mudah yang boleh diambil bagi mengurangkan risiko ancaman dari jangkitan HIV dan AIDS, seperti:

- i) Menahan Diri (*Abstain*) - Mengelakkan diri dari melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan jangkitan HIV;
- ii) Kekal Setia (*Be faithful*) - Mengelakkan dari sering bertukar-tukar pasangan;
- iii) Hubungan yang Selamat (*Be Safe*) - Mengelakkan dari melakukan hubungan secara rambang dan tidak terlindung; dan

iv) Lakukan Pemeriksaan (*Get Checked*) - Melakukan ujian dan pemeriksaan serta mendapatkan rawatan HIV dengan segera untuk melindungi orang lain dari dijangkiti.

6. Menurut satu laporan yang dikeluarkan oleh WHO, kemajuan ke arah matlamat menamatkan jangkitan HIV secara global telah terbantut sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pandemik COVID-19 yang berterusan dan krisis-krisis global yang lain telah mengganggu pelaksanaan program-program pencegahan dan pengawalan HIV seperti penyaluran sumber dan dana program HIV kepada program-program lain. Di samping itu, kesan perubahan geopolitik ke atas ekonomi, penghijrahan manusia dan akses kepada penjagaan HIV juga telah memperlahankan dan mengundurkan hasil yang diperolehi dalam dekad yang lalu dalam menangani jangkitan HIV/AIDS, terutamanya isu ketidaksamaan yang dihadapi oleh orang yang hidup dengan, atau terjejas oleh HIV dan AIDS. Kesemua ini menekankan lagi keperluan untuk menangani ketidaksamaan dan akses kepada penjagaan HIV dan AIDS.

7. Walaupun dicabar dengan Pandemik COVID-19, perkhidmatan kesihatan bagi pesakit-pesakit HIV di Negara Brunei Darussalam, termasuk ujian, rawatan dan perkhidmatan kaunseling dapat terus diberikan untuk memastikan mereka mempunyai akses yang berterusan dan tidak menjejaskan penjagaan kesihatan mereka. Kementerian Kesihatan sangat komited dan akan terus berusaha memastikan mereka yang berisiko tinggi dan yang terjejas oleh HIV akan mendapat perkhidmatan yang berkualiti dan saksama, tanpa stigma dan ketidaksamaan. Kerahsiaan (*confidentiality*) bagi mereka yang ingin tampil ke hadapan untuk membuat ujian HIV adalah asas

utama dan penting dalam perkhidmatan perubatan di negara ini. Ia didokong oleh perundangan yang sedia ada iaitu Akta Penyakit-  
Penyakit Berjangkit Penggal 204 yang mempunyai peruntukan khusus bagi melindungi kerahsiaan (*confidentiality*) bagi pesakit-pesakit yang dijangkiti HIV.

8. Hari AIDS Sedunia memberi peluang kepada kita semua, sebagai individu dan masyarakat pada amnya, untuk mengambil tindakan yang diperlukan untuk mencapai matlamat utama untuk menamatkan epidemik AIDS. Marilah kita sama-sama saling mengingatkan antara satu sama lain bahawa kita perlu sama-sama bertanggungjawab terhadap kesihatan kita. Memperbaharui komitmen untuk menamatkan HIV dengan meningkatkan perkhidmatan HIV dan menghapuskan stigma dan diskriminasi terhadap mereka yang dijangkiti. Berikan sokongan kepada individu-individu yang hidup dengan HIV dan mengingatkan mereka yang telah meninggal dunia akibat penyakit berkaitan dengan AIDS. Jadikan segala kesukaran yang dihadapi sebagai motivasi untuk kita semua terus berusaha membantu orang-orang di sekeliling kita terutamanya para pesakit dengan memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang, saksama dan mampan supaya semua orang mempunyai akses kepada semua perkhidmatan kesihatan yang mereka perlukan, untuk apa jua ancaman kesihatan yang mereka hadapi.

**-TAMAT-**